



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA

(TENDER NO. KPKT/JPSPN/BPP/T/2/2026)

TAJUK PROJEK	KOD BIDANG TARAF / JENIS SYARIKAT *	TEMPAT & TARIKH DOKUMEN TENDER DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH & WAKTU TENDER DITUTUP
Perkhidmatan Perunding Kajian Penilaian Kesan Kepada Alam Sekeliling (EIA) Bagi Projek Naik Taraf Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Muadzam Shah, Pahang	Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding dengan Kementerian Kewangan Kod Bidang : 330207- Kajian Alam Sekitar Taraf : Terbuka Tempoh Sah Laku Tawaran 180 hari	Bahagian Pembangunan Projek, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Aras 23, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya Mulai : 2 Mac 2026 (Isnin) (*Selepas sesi taklimat selesai) hingga 9 Mac 2026 (Isnin)	RM 50.00 Dikehendaki mengeluarkan Pembelian melalui https://ipayment.anm.gov.my/ bagi JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA atas PERKHIDMATAN PERUNDING KAJIAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA) BAGI PROJEK NAIK TARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI MUADZAM SHAH, PAHANG (Tidak akan dikembalikan)	Bahagian Pembangunan Projek, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Aras 23, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya Tarikh Tutup: 31 Mac 2026 (Selasa) Masa : 12.00 Tengah Hari

1. Tender ini adalah dipelawa dari syarikat-syarikat tempatan yang **berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam Kod Bidang 330207** yang masih sah dan berkuatkuasa. Petender yang mempunyai pengalaman dalam menyediakan laporan kajian terperinci impak alam sekitar atau laporan seumpamanya adalah satu kelebihan.
2. Dokumen Tender ini boleh diperolehi di **Bahagian Pembangunan Projek, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Aras 23, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya** pada waktu pejabat (**8.30 pagi hingga 1.00 tengah hari dan 2.00 petang hingga 4.30 petang**) mulai **3/03/2026 (Isnin)** selepas taklimat tender.

1. TAKLIMAT

Taklimat akan diadakan pada **2/03/2026 (Isnin)**, bermula **jam 9.30 pagi** di Bilik Mesyuarat Sektor Teknikal, Aras 23, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, KPKT. **Kehadiran adalah diwajibkan** dan hanya **PENAMA** di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Firma Perunding dengan Kementerian Kewangan sahaja yang dibenarkan menghadiri taklimat. Butiran taklimat seperti berikut :

TARIKH	MASA PENDAFTARAN	SESI TAKLIMAT BERMULA	TEMPAT
2 Mac 2026 (Isnin)	2.30 petang – 3.30 petang	3.30 petang	Bilik Mesyuarat Sektor Teknikal Bahagian Pembangunan Projek, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 23, No.51 Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya.

2. PEMBELIAN DOKUMEN TENDER.

- i. Petender yang ingin membeli dokumen tender diwajibkan membawa **tiga (3) salinan resit pembelian tender dari website ipayment dan borang pengesahan kehadiran taklimat** yang telah ditandatangani oleh pegawai dari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, KPKT.
- ii. Bayaran hendaklah dibuat dalam bentuk atas talian di pautan <https://ipayment.anm.gov.my/> bagi **JABATAN PENGURUSAN SISA PEPEJAL NEGARA** atas **PERKHIDMATAN PERUNDING KAJIAN PENILAIAN KESAN KEPADA ALAM SEKELILING (EIA) BAGI PROJEK NAIK TARAF TAPAK PELUPUSAN SISA PEPEJAL DI MUADZAM SHAH, PAHANG**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran **secara kiriman wang, bank deraf, tunai atau cek tidak akan diterima**.
- iii. Dokumen Tender boleh diperolehi di Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Aras 23, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100, Putrajaya mulai **2 Mac 2026 (Isnin) sehingga 9 Mac 2026 (Isnin)** semasa waktu pejabat seperti berikut:

LOKASI PEJABAT	WAKTU PERKHIDMATAN KAUNTER (ISNIN HINGGA KHAMIS)	WAKTU PERKHIDMATAN KAUNTER (JUMAAT)
SEMENANJUNG	9.30 AM – 12.30 PM 2.30 PM – 4.00 PM	9.30 AM – 12.00 PM 3.00 PM – 4.00 PM

3. PENGHANTARAN DOKUMEN TENDER

- i. Dokumen Tender yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Tender di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Bahagian Pembangunan Projek, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Aras 23, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya, sebelum atau pada jam 12.00 tengah hari, 31 Mac 2026 (Selasa)**.
- ii. Tawaran Tender yang **lewat diterima tidak akan dipertimbangkan**. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan **tidak akan bertanggungjawab** ke atas sebarang **kelewatan** yang timbul secara langsung atau tidak langsung terhadap Dokumen manual yang dikemukakan. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan juga tidak terikat untuk menerima tawaran terendah atau mana-mana tawaran.
- iii. Semua pertanyaan mengenai urusan tender hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar selewat-lewatnya **tiga (3) hari** sebelum tarikh tutup tender melalui e-mail sahaja kepada pegawai yang dinyatakan di bawah. Tiada pertanyaan atau rayuan boleh dibuat selepas tarikh tutup tender sehingga keputusan Tender dikeluarkan. Bukti penghantaran pertanyaan tidak boleh dianggap sebagai bukti penerimaan oleh pihak Kementerian. Semua pertanyaan akan dijawab mengikut prosedur aduan awam sedia ada. Pertanyaan hendaklah dialamatkan kepada :

Alamat : Bahagian Pembangunan Projek,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
Aras 23, No.51 Persiaran Perdana,
Presint 4, 62100 Putrajaya.
(u.p: Urusetia Tender)
- iv. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan di alamat www.kpkt.gov.my dan web myprocurement di alamat www.myprocurement.treasury.gov.my. Jika terdapat sebarang pertanyaan boleh diajukan ke alamat emel dalilahrashid@kpkt.gov.my.
- v. Pihak Kerajaan berhak membatalkan tender ini pada bila-bila masa di atas sebab-sebab yang difikirkan munasabah oleh Kerajaan, dengan notis yang dipaparkan di halaman laman web rasmi Kementerian tanpa perlu menyatakan sebab-sebab tersebut kepada Petender.